



# KITAB ARBA'UN HADITHAN FI ISHTINA' AL-MA'RUF BAYNA AL-MUSLIMIN OLEH IMAM AL-MUNDHIRI: SATU KAJIAN TAKHRIJ

(Kitab Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin by Imam al-Mundhiri:  
A Takhrij Study)

A Irwan Santeri Doll Kawaид<sup>1</sup>, Ahmad Izzuddin Abu Bakar<sup>2</sup>, Shumsudin Yabi<sup>3</sup>, Mohd Khairul Ni'mat Doll Kawaيد<sup>4</sup>

<sup>1,2, 3</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>4</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

## Abstract

The Book of Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin could be considered the first book of forty hadith that was written on the virtues of doing kindness to other people. It is one of the works of Imam al-Mundhiri (w 656 H) which means that it has been written around the seventh century. It is said that the book received good acceptance from the public at that time. The Moroccan Ministry of Waqf and Islamic Affairs at this time has republished the book in 1985 justifying the merit of the book. The book contains forty hadiths that have been selected by Imam al-Mundahiri from various hadith resources. The hadiths were about doing kindness dan helping others. However, the author did not mention the sources of the hadiths selected as well as any information about them. Imam Muhammad bin Ibrahim al-Sulami al-Munawi (w 803 H) then improved the book by giving information about the sources (takhrij) and brought similar hadiths to the selected hadiths to support them as well as adding some explanation to them. After him, Muhammad bin Makhluf al-Tha'alabi (w 875 H) summarized the book. However, although Imam al-Mundhiri was a scholar of the hadith as well as Imam al-Sulami and al-Tha'alabi, many statuses of the selected hadiths were found not authentic. Nevertheless, some of it was considered fabricated. Likely, Imam al-Sulami and al-Tha'alabi who were commenting on the book did not comment anything about the status. Thus, this paper tries to do takhrij to the hadiths of the book. It will discuss their authenticity as well as highlight the significance of the book in encouraging the activity of doing kindness to people.

**Kata Kunci:** Takhrij, al-Mundhiri, forty hadiths, kindness, authenticity.

## Article Progress

Received: 23 August 2022

Revised: 24 October 2022

Accepted: 10 November 2022

\*Corresponding Author:

A Irwan Santeri Doll Kawaيد.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email:

a.irwan@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Tradisi mengarang kitab hadis yang menghimpunkan empat puluh hadis merupakan antara tradisi yang ulama hadis sejak zaman berzaman. Dikatakan bahawa Abdullah bin al-Mubarak (w 181 H) adalah ulama pertama yang mengarang kitab jenis ini, iaitu pada kurun kedua hijrah.<sup>1</sup> Setelah beliau, ramai ulama lain yang mengikuti jejak langkah beliau dengan mengarang kitab-kitab hadis yang mengandungi 40 hadis dalam pelbagai tema. Sandaran memilih 40 hadis bagi sesebuah kitab dikatakan adalah berdasarkan kepada satu hadis iaitu sabda Nabi SAW:

((مَنْ حَفِظَ عَلَىٰ أُمَّةٍ أَرْبَعِينَ حَدِيْثًا مِنْ أَمْرِ دِيْنِهِ بَعْدَ اللَّهِ فَقِيْمَهَا، وَكُنْتُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَافِعًا وَشَهِيدًا))

<sup>1</sup> Ibn al-Jawzi, `Abd al-Rahman bin `Ali (t.t.), al-`Ilal al-Mutanahiyah fi al-Ahadith al-Wahiyah, Jil. 1, Ibn al-Jawzi, Khalil al-Mis (tahqiq), Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, cet 1. Jld. Hlm. 121.

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa yang memelihara buat umatku 40 hadis daripada urusan agamanya, maka dia akan dibangkitkan di hari kiamat oleh Allah sebagai orang yang faqih dan aku akan memberikan buat dirinya syafaat dan penyaksian di hari akhirat kelak.”<sup>2</sup>

Meskipun status hadis ini disepakati oleh kebanyakan ulama bahawa ia daif,<sup>3</sup> namun mereka mengamalkan hadis ini dengan berhujah bahawa hukum beramal dengan hadis daif adalah dibolehkan dalam bab *fadhai'l amal*.<sup>4</sup>

## PENULISAN KHUSUS BERKAITAN HADIS MELAKUKAN KEBAIKAN KEPADA MANUSIA

Melakukan kebaikan kepada manusia adalah perkara yang digalakkan Islam. Umat dianjurkan agar saling membantu sesama manusia, meringankan bebanan dan menyelesaikan kesusahan mereka. Hal ini dapat dilihat daripada banyak ayat-ayat Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Antara ayat-ayat menggalakkan perkara tersebut, firman Allah SWT:

﴿وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا شُرِكُوا بِهِ شَيْئاً وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَإِلَيْتُمْ وَأَجْنَارِ ذِي الْقُرْبَى وَأَجْنَارِ أَجْنَبٍ وَالصَّاحِبِ بِالْجُنْبِ وَابْنِ الْسَّيِّلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالاً فَحُورًا﴾

﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sompong takbur dan membanggabanggakan diri;”

(Surah al-Nisa: ayat 36)

Selain Quran, hadis Nabi SAW turut banyak mengandungi galakkan membantu sesama manusia. Malah hadis-hadis berkaitan perkara tersebut sangat terperinci dan banyak. Antara hadis-hadis tersebut adalah sabda Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِنُ جَاهَرُهُ ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيُكْرِمْ ضَيْفَهُ ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيُعْلِمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصُمُّثْ . رواه البخاري

Maksudnya: “Dari pada Abu Hurairah dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat, janganlah dia mengganggu jirannya, barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaknya dia

<sup>2</sup> Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husain, Syu'ab al-Iman, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiah, Fasl fi Fadl al'Ilm, No. Hadith 1597.

<sup>3</sup> Rudi Edwaldo Jasmit. (2021). Sejarah Perkembangan Karya Al Arba'inat . *Jurnal Khazanah Ulum Ekonomi Syariah (JKUES)*, 2(1), 111-172.

<sup>4</sup> Ziyad Abd al-Wahhab. (2011). Al-Arbainyyat al-Hadithiyyah. *Damascus University Journal for The Economic And Legal Sciences*, 27 (1), 593-618.

memuliakan tetamunya dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaknya dia berkata yang baik atau dia diam.”<sup>5</sup>

Menyayangi sesama muslim, berbuat baik serta membantu mereka dalam Islam adalah dianggap sebahagian daripada keimanan. Orang yang melakukannya dijanjikan syurga dan menyakiti atau melakukan kejahatan ke atas mereka pula dianggap berdosa, boleh menyebabkan kemurkaan Allah dan diancam balasan neraka.

Disebabkan kepentingan perkara ini dan banyaknya hadis berkaitannya, ramai ulama hadis yang mengarang kitab-kitab khusus yang menghimpunkan hadis-hadis berkaitan membantu orang di samping kitab-kitab hadis utama yang juga mempunyai pelbagai bab tentang perkara tersebut. Antara ulama yang menghimpunkan hadis-hadis khusus berkaitan membantu orang adalah Imam Abdullah bin Muhammad (w 281 H) yang lebih dikenali sebagai Ibn Abi al-Dunya dengan kitabnya *Ishtina' al-Ma'ruf dan Qada' Hawajj al-Nas*, Imam Muhammadi bin 'Ali al-Kufi (w 510 H) dengan kitabnya *Thawab Qada Hawajj al-Ikhwan wa Ma Ja'a fi Ighathah al-Lahfan* dan 'Abd al-'Adhim bin 'Abd al-Qawiyy al-Mundhiri (w 656 H). Selain kitab-kitab ini, terdapat kitab-kitab yang menfokuskan tentang akhlak. Namun, disebabkan topik hubungan sesama manusia juga termasuk dalam akhlak, maka ramai yang menjadikan kitab-kitab tersebut sebagai rujukan untuk mencari hadis-hadis berkaitan membantu sesama manusia. Kitab-kitab tersebut seperti kitab *Makarim al-Akhlaq* Imam Abdullah bin Muhammad (w 281 H), *Makarim al-Akhlaq wa Ma'aliha wa Mahmud Taraiqiha* oleh Imam Muhammad bin Ja'afar al-Kharaiti (w 327 H) dan *Makarim al-Akhlaq* oleh Imam Sulaiman bin Ahmad Al-Tabarani (w 360 H).

## JUDUL DAN METODOLOGI KITAB

Judul kitab ini adalah ‘Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin’ (أربعون حديثا في اصطناع المعروف بين المسلمين) yang bermaksud ‘Empat Puluh Hadis Tentang Kelebihan Melakukan Kebaikan Kepada Sesama Manusia’. Inilah judul yang terdapat sepertimana dalam cetakan yang diterbitkan oleh Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Maghribi pada tahun 1985. Namun, terdapat beberapa judul lain yang dikatakan judul kitab ini. Dalam kitab *Tajrid Asma Asanid al-Kutub al-Masyhurah wa al-Ajza' al-Manthurah* oleh Ibn Hajar al-Asqalani (w 852 H) beliau menyebutkan bahawa judul kitab ini adalah al-'Arba'un fi Ishtina' al-Ma'ruf'<sup>6</sup> ( الأربعون في اصطناع المغزوف) dan dalam kitab *Jawab al-Hafiz al-Munziri* 'an Asilah fi al-Jarh wa al-Ta'dil oleh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah judul kitab ini disebut sebagai ‘Arba'un Haditan fi Ishtina' al-Ma'ruf bayna al-Muslimin wa Qada' Hawajjihim’ (أربعون حديثا في اصطناع المعروف بين المسلمين وقضاء حوائجهم) yang bermaksud ‘Empat Puluh Hadis Tentang Kelebihan Melakukan Kebaikan Kepada Sesama Manusia dan menunaikan keperluan mereka’. Imam al-Sulami yang mensyarah kitab ini menyebutkan judulnya sebagai ‘Arba'un Haditan fi Ishtina' al-Ma'ruf bayna al-Muslimin wa Qada' Hawajj al-Malhufin’ (أربعون حديثا في اصطناع المعروف بين المسلمين وقضاء حوائج الملهوفين) yang bermaksud ‘Empat Puluh Hadis Tentang Kelebihan Melakukan Kebaikan Kepada Sesama Manusia dan menunaikan keperluan orang yang dalam kesukaran’. Daripada judul-judul kitab ini, walaupun terdapat perbezaan, dapat diketahui bahawa kitab ini mengandungi empat puluh hadis berkaitan melakukan kebijakan kepada sesama manusia dan menunaikan keperluan mereka.

Kitab ini dianggap kitab pertama yang memilih empat puluh hadis khusus berkaitan melakukan kebijakan kepada sesama manusia dan menunaikan keperluan mereka.<sup>7</sup> Meskipun terdapat banyak kitab empat puluh hadis lain sebelum kitab ini, namun kitab ini adalah kitab pertama yang menyentuh tentang tema ini. Sebelum kitab ini, Imam Ibn Abi al-Dunya (w 281 H) ada mengarang kitab hadis berkaitan

<sup>5</sup> Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Hadith. No. Hadis: 5185.

<sup>6</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (1998). *Tajrid Asma Asanid al-Kutub al-Masyhurah wa al-Ajza' al-Manthurah*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Hlm. 217.

<sup>7</sup> Al-Mundhiri, Abd al-Adzim bin Abd al-Qawiyy. (1985). *Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin*. Hlm. 3.

melakukan kebijakan yang berjudul *Ishtina' al-Ma'ruf* (اصطناع المعروف). Namun kitab tersebut bukanlah berbentuk hadis empat puluh.

Kitab ini dikarang tanpa mempunyai mukadimah, penulis terus memulakan kitab dengan hadis pertama. Mukadimah yang terdapat pada cetakan yang wujud adalah daripada Imam al-Ta'alabi dan Imam al-Sulami.

Imam al-Mundhiri tidak menyatakan sanad-sanad hadis bagi setiap hadis dalam kitab ini. Hanya nama perawi ‘ala (sahabat) sahaja yang dinyatakan. Sememangnya kitab-kitab yang dikarang mulai kurun ke-6 hijrah kebanyakannya sudah tidak menyatakan sanad hadis. Begitu juga dengan kitab-kitab hadis empat puluh lain. Selain itu, sumber ambilan hadis bagi hadis-hadis kitab ini juga tidak dinyatakan oleh Imam al-Mundhiri.

## PENGARANG

Pengarang kitab ini adalah al-Hafiz ‘Abd al-‘Azim bin ‘Abd al-Qawi bin Abdullah bin Salamah Abu Muhammad Al-Mundhiri. Beliau merupakan antara ulama hadis Mesir yang terkemuka di sekitar kurun ke-7 hijrah.<sup>8</sup> Beliau dilahirkan di Fustat, Mesir pada tahun 581H. Beliau seperti kebanyakkannya ulama lain yang pada masa muda mereka banyak merantau untuk menuntut ilmu. Antara tempat-tempat yang beliau pergi untuk menuntut ilmu adalah seperti Iskandariah, Dimyat, Mansurah, Syam, Madinah dan sebagainya.<sup>9</sup> Setelah tamat belajar, beliau dilantik menjadi ketua di Dar al-Hadith di Mesir. Beliau telah berkhidmat di sana selama 20 tahun sehingga beliau wafat. Beliau sangat pakar dalam bidang hadis. Banyak kitab hadis yang telah beliau hasilkan. Antaranya kitab *al-Jam'u Bayna al-Sahihain*, *al-Muwafaqat*, *al-Targhib wa al-Tarhib*, *Arba'un Haditan fi Ishtina' al-Ma'ruf bayna al-Muslimin* dan banyak lagi. Beliau wafat di Mesir pada tahun 656H ketika usianya 75 tahun. Antara pujian ulama terhadap beliau adalah Imam al-Syarif ‘Izz al-Din berkata: “Beliau sangat alim tentang hadis sahih, daif serta *tariq-tariq* hadis *ma'lul* dan sangat pakar tentang hukum-hukum, maksud, musykil, *gharib* dan lafaz-lafaz hadis.”<sup>10</sup>

## SAMBUTAN ORANG RAMAI TERHADAP KITAB

Imam Muhammad bin Ibrahim al-Sulami al-Munawi (w 803 H) iaitu ulama yang mensyarah kitab menyebutkan dalam mukadimah syarahnya bahawa kitab ini telah mendapat sambutan di kalangan orang ramai. Malah beliau sendiri menganggap bahawa kitab ini antara kitab yang wajib dibaca oleh semua orang. Beliau telah mengambil inisiatif menambahbaik kitab ini dengan mensyarahnya dan melakukan takhrij ke atas hadi-hadisnya. Kemudian Imam Muhammad bin Muhammad bin Makhluf al-Tha'alabi (w875H). meringkaskannya. Kitab ini juga telah ditahqiq oleh beberapa ulama zaman sekarang. Antara mereka adalah Syeikh Muhammad bin Tawit al-Tanji dan Syeikh Samir Taha al-Majzub.

Kitab ini juga telah menarik perhatian Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Maghribi apabila ia telah menerbitkannya dan meletakkan keseluruhannya dalam portal rasminya.<sup>11</sup>

<sup>8</sup> Al-Zahabi, Abu Abdullah Syams al-Din. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Cet 1. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1401H. jld 23. Hlm. 322.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> Asra, A. (2011). Al-Mundzirî dan “al-Targhib wa al-Tarhib. *Al-Hikmah: Jurnal Agama dan Ilmu Pengetahuan*, 8(1), 50-66.

<sup>11</sup> Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah li al-Mamlakah al-Maghribiyyah. <http://www.habous.gov.ma>. Diakses pada Disember 2021.

## TEMA DAN SUMBER HADIS KITAB

Tema hadis dalam kitab ini semuanya berkaitan kelebihan melakukan kebajikan kepada manusia. Hadis-hadis tersebut dikesan diambil daripada pelbagai sumber primer hadis. Namun, tidak semua sumber-sumber tersebut sumber hadis yang masyhur. Malah kebanyakannya hadis kitab ini didapati diambil daripada kitab *Makarim al-Akhlaq* oleh Imam Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (w 360 H).

Rajah Sumber Hadis Kitab.

Bil.	Nama Kitab	Jumlah Hadis
1.	Makarim al-Akhlaq oleh Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (w 360 H)	13
2.	Musnad Ahmad oleh Ahmad bin Hanbal (w 241 H)	2
3.	Musnad ‘Abd bin Humaid oleh Abd Hamid bin Humaid (w 249 H)	2
4.	Makarim al-Akhlaq oleh Muhammad bin Ja’afar al-Kharaiti (w 327 H)	2
5.	Al-Mu’jam al-Kabir Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (w 360 H)	2
6.	Al-Mu’jam al-Awsat Sulaiman bin Ahmad Al-Tabarani (w 360 H)	2
7.	<i>Hilyah al-Awliya wa Tabaqat al-Ashfiya</i> oleh Abu Nuaim Ahmad ibn Abdullah al-Ashfahaniy (w 430 H)	2
8.	Mushannaf Abd al-Razzaq oleh Abd al-Razzaq (w 211 H)	1
9.	Sahih al-Bukhari oleh al-Bukhari (w 256 H)	1
10.	Sahih Muslim oleh Muslim (w 261 H)	1
11.	Sunan Abu Daud oleh Abu Daud (w 275 H)	1
12.	Musnad al-Harith oleh al-Harith bin Muhammad (w 282 H)	1
13.	Al-Sunan al-Kubra oleh Imam al-Nasai (w 303 H)	1
14.	<i>Sahih Ibn Hibban</i> oleh Ibn Hibban (w 354 H)	1
15.	Al-Mu’jam al-Saghir Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (w 360 H)	1
16.	Hadith Abu al-Fadhl al-Zuhri oleh Ubaydullah bin ‘Abd Rahman (w 381 H)	1
17.	<i>Targhib fi Fadail al-‘Amal</i> oleh Umar bin Ahmad Ibn Syahin (w 385 H)	1
18.	Amali Ibn Sam’un oleh Muhammad bin Ahmad (w 387 H)	1
19.	Fawaid Tamam oleh Tamam bin Muhammad (w 414 H)	1
20.	<i>Syu’ab al-Iman</i> oleh Imam al-Bayhaqi (w 458 H)	1

21.	Al-Fawaaid oleh Ibn ‘Abd al-Barr (w 463 H)	1
22.	<i>Tartib Amali al-Khamisiyyah oleh Yahya bin Hussin</i> (w 499 H)	1
<i>Jumlah</i>		40

Berdasarkan rajah di atas, diketahui bahawa hadis-hadis yang terdapat dalam kitab ini banyak diambil daripada kitab Makarim al-Akhlaq oleh Imam al-Tabarani iaitu 13 buah hadis. Bagi hadis-hadis lain, berkemungkinan sesetengahnya turut diambil daripada sumber yang sama. Namun kerana takhrij yang dilakukan terhadap kitab ini adalah berdasarkan padanan tepat, maka sumber-sumber di atas merupakan sumber-sumber yang mempunyai padanan tepat dengan hadis-hadis yang terdapat dalam kitab ini.

Jika diperhatikan juga bahawa kebanyakan sumber-sumber hadis kitab ini, tidak dipilih oleh penulisnya daripada sumber-sumber hadis *musnad*, sahih atau sunan sahaja. Tetapi diambil daripada pelbagai jenis kitab. Hal ini berbeza dengan ulama lain seperti Imam Nawawi yang memilih hadis-hadis daripada kitab utama hadis untuk kitab hadis 40nya.

Imam al-Sulami yang mentakhrij hadis-hadis kitab ini telah menyatakan sumber-sumber hadisnya. Takhrij beliau telah diletakkan selepas setiap hadis dalam kitab ulama yang meringkaskan kitab ini iaitu Imam al-Tha’alibi. Namun apabila disemak, didapati seolah-olah terdapat kesilapan dalam beberapa takhrij beliau. Contoh kesilapan takhrij beliau:

<sup>12</sup> عن أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الْأَخْلُقُ كُلُّهُمْ عِيَالُ اللَّهِ، وَأَحَبُّ خَلْقِهِ إِلَيْهِ أَنْفَعُهُمْ لِعِيَالِهِ»

Hadis ini diriwayatkan oleh Anas bin Malik. Imam al-Sulami menyatakan bahawa hadis ini dikeluarkan oleh al-Bazzar dan al-Tabarani dalam kitab Mu’jamnya. Ya, hadis ini dikeluarkan oleh al-Bazzar dan al-Tabarani. Namun apabila disemak di kitab-kitab Mu’jam al-Tabarani, perawi sahabat yang meriwayatkan hadis ini dalam kitab al-Mu’jam al-Kabir didapati adalah bukanlah Anas bin Malik, tetapi Abdullah bin Mas’ud. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Anas didapati terdapat dalam kitab beliau yang lain iaitu kitab Makarim al-Akhlaq. Selain itu, jika takhrij dengan padanan tepat dilakukan, lafaz hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam kitab Makarim al-Akhlaq lebih sama tepat daripada lafaz hadis yang diriwayatkan oleh al-Bazzar.

## STATUS HADIS-HADIS KITAB

Mengenal pasti status kesahihan sesuatu hadis adalah perkara penting dalam Islam. Ia supaya umat Islam mengamalkan sesuatu yang lebih pasti disandarkan kepada Nabi SAW dan tidak menisahkan kepadanya sesuatu yang kurang pasti. Selain itu mengenal pasti status hadis, mengenal pasti status kesahihan hadis sesebuah kitab juga penting kerana tidak semua kitab-kitab yang dikarang oleh ulama Islam mengandungi hadis-hadis yang selamat untuk diamalkan meskipun kitab tersebut kitab klasik. Namun, proses mengenal pasti status kesahihan hadis dalam semua kitab Islam bukanlah satu proses yang mudah. Disebabkan itu ia masih berlaku sehingga hari ini.

Bagi kitab ini, didapati bahawa status-status hadisnya adalah seperti berikut:

Bil.	Status Hadis	Jumlah Hadis
1.	Sahih	8

<sup>12</sup> Al-Tabarani. Sulaiman bin al-Ath’ath. (1980). Makarim al-Akhlaq. tahqiq Faruq Hamadah, c. 1, Maghrib: Maktabah al-Tha’labi al-Su”udi.

2.	<i>Sahih Li Ghairihi</i>	0
3.	Hasan	4
4.	<i>Hasan Li Ghairihi</i>	5
5.	Daif	5
6.	<i>Matruk</i>	13
7.	Palsu	5
<i>Jumlah</i>		40

Hadis Sahih adalah hadis yang sanadnya atau pertalian perawi-perawinya bersambung, diriwayatkan oleh perawi yang bersifat ‘Adalah lagi teguh pemeliharaan hadis serta bebas daripada segala keganjilan (*syuzuz*) dan kecacatan (*‘illah*).<sup>13</sup>

Hadis Hasan pula adalah hadis yang mempunyai sifat yang sama seperti hadis sahib, tetapi terdapat sedikit kelemahan pada perawi dari sudut pemeliharaan hadis. Jika hadis ini sendiri memenuhi kriteria Hadis Hasan dan tidak memerlukan kepada bantuan jalur lain untuk mengangkatnya ke darjat hasan maka ia diistilahkan dengan Hadis *Hasan li Zatihi*.<sup>14</sup>

Hadis *Hasan li Ghairihi* pula adalah hadis yang pada asalnya daif. Tetapi dibantu untuk diangkat menjadi hasan dengan mendapat sokongan daripada *tariq-tariq* lain dengan syarat kedaifannya tidak berat.<sup>15</sup>

Hadis Daif adalah hadis yang tidak memenuhi syarat Hadis Sahih dan syarat Hadis Hasan.<sup>16</sup> Hadis *Matruk* adalah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang tertuduh kuat berlaku dusta (terhadap hadis yang diriwayatkannya) atau selalu berdusta dalam perkataannya, atau nampak kefasikannya, baik pada perbuatan mahupun ucapan atau orang yang banyak lupa atau banyak keragu-raguannya.<sup>17</sup> Hadis Palsu pula adalah hadis yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW secara palsu dan dusta sedangkan Rasulullah SAW tidak pernah mengucapkan, melakukan mahupun memperakuinya.<sup>18</sup>

Berdasarkan rajah di atas didapati bahawa selain mengandungi hadis-hadis yang berstatus ‘diterima’ (Sahih dan Hasan) kitab ini juga mengandungi hadis-hadis yang berstatus daif (lemah) malah *Matruk* (13 buah hadis) dan palsu (5 buah hadis). Jumlah 18 buah hadis bagi hadis yang tersangat daif ini adalah suatu jumlah yang besar, iaitu hampir menyamai separuh daripada jumlah hadis kitab ini. Hal ini boleh membuatkan kitab ini ditolak.

<sup>13</sup> Suardi, I. (2020). Hadis Shahih Dan Hadis Hasan. *Journal Attanmiyah*, 3(6).

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Kawaiid, A. I. S. D., Amiruddin Mohd Sobali, & Ahmad Izzuddin Abu Bakar. (2021). Faedah Takhrij Hadis kepada Sanad Dan Matan: Satu Kajian Analisis: Benefits of Takhrij Hadith to Sanad and Matn: An Analytical Study. *Ma ‘ālim Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah*, 17, 66-83.

<sup>16</sup> Sarbanun, S. (2019). Macam - Macam Hadits Dari Segi Kualitasnya. *Ath Thariq Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 2(2), 345-356. Kholis, M. M. N. (2016). Hukum Mengamalkan Hadist Daif dalam Fadhlil A'mal: Studi Teoritis dan Praktis. *Al-Tsiqoh: Jurnal Ekonomi dan Dakwah Islam*, 1(2), 26-39.

<sup>17</sup> Syuhri, S. (2020). Hadith *Matruk* (Studi Kajian Hadith). *Asy-Syari’ah: Jurnal Hukum Islam*, 6(1), 65-80.

<sup>18</sup> Mohd Senin, M. S. (2020). Hadith palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di dalam Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(2).

Meskipun terdapat beberapa buah hadis yang masih boleh diterima pemilihannya walaupun berstatus *matruk*, iaitu kerana terdapat perbezaan pandangan tentang kredibiliti perawinya. Namun kredibiliti perawi hadis-hadis lain sangat jelas berstatus tidak boleh diterima.

Antara hadis berstatus *matruk* yang boleh diterima status kedaifannya adalah hadis ke 2:

عن كثير بن عبد الله بن عمرو بن عوف المزن尼 ن أبيه عن جده قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:  
"إِنَّ اللَّهَ عَبَادًا خَلَقَهُمْ لِحَوَاجِزَ النَّاسَ أَلَى عَلَى نَفْسِهِ أَنْ لَا يَعْذَّبُهُمْ بِالنَّارِ، فَإِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ وَضَعَتْ لَهُمْ مَنَابِرٌ مِّنْ نُورٍ يَحْدُثُونَ اللَّهَ وَالنَّاسَ فِي الْحِسَابِ."<sup>19</sup>

Maksudnya: Sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya Allah mempunyai hamba-hamba yang Dia mencipta mereka khusus untuk membantu orang lain. Dia bersumpah dengan diri-Nya bahawa Dia tidak akan menyeka mereka dengan neraka. Pada hari kiamat akan diletakkan untuk mereka mimbar-mimbar daripada cahaya untuk mereka berbicara dengan Allah sedangkan manusia lain sedang dalam perhitungan.”

Hadis ini direkodkan oleh Tammam bin Muhammad dalam kitab Fawaid Tammam. Dalam sanadnya terdapat seorang perawi yang bernama Salamah bin Wardan. Beliau ialah perawi yang berstatus lemah. Iman Ahmad<sup>20</sup> dan Imam al-Hakim<sup>21</sup> telah menilainya sebagai ‘*munkar*’. Imam Ibn Hibban pula berkata: Dia meriwayatkan daripada Anas hadis yang seolah-olah bukan hadis beliau. Begitu juga daripada perawi-perawi *thiqah* yang lain yang seolah-olah bukan hadis perawi-perawi yang *thiqah*. Seolah-olah faktor tua. Seolah-olah juga dia meriwayatkannya secara ragu-ragu yang menyebabkan ia tidak boleh dijadikan hujah.”<sup>22</sup>

Namun, imam-imam lain seperti Imam Abu Daud<sup>23</sup> dan Imam al-Nasai<sup>24</sup> hanya menilainya sebagai daif sahaja, iaitu penilaian yang tidak sampai ke tahap ditolak total. Jika keadaan perawi seperti ini, berkemungkinan riwayatnya dipilih oleh Imam al-Mundhiri kerana berpegang kepada pandangan yang menilainya sebagai daif sahaja. Jika begitu, hadis ini boleh dinilai daif sahaja.

Jika status hadis tersebut hanya daif, ia masih boleh diamalkan berdasarkan pandangan kebanyakan ulama hadis yang berpendapat bahawa boleh beramal dengan hadis daif yang kedaifannya ringan<sup>25</sup> meskipun Nasir al-Din al-Albani menilai hadis ini sebagai sangat daif.<sup>26</sup>

Adapun contoh hadis palsu dalam kitab ini adalah hadis:

<sup>19</sup> Hadis ini dikeluarkan oleh Tamam bin Muhammad. (1987). *Fawaid Tamam*. cet. 1, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah, No. hadis: 1575.

<sup>20</sup> al-Uqaili, Abu Jafar. (1984). *al-Dhuafa al-Kabir*. Mekah: Dar al-Baaz. 1984. Jld 2. Hlm 147.

<sup>21</sup> Mughlati, A. (2001). *Ikmal Tahzib al-Kamal fi Asma al-Rijal*. np: al-Faruq al-Hadithiyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr. Jld. 6. Hlm. 26.

<sup>22</sup> Ibn Hibban, Muhammad Bin Hibban. (1976). *Al-Majruhin min Al-Muhaddithin wa Al-Dhu'afa wa Al-Matrukin Dar Al-Wa'i*, Aleppo. Jld..1 hlm.336.

<sup>23</sup> Syamsuddin Al-Zahabi, Muhammad Bin Ahmad, *Mizan Al-'Itidal fi Naqd Al-Rijal* (1963), Dar Al-Ma'rifah, *Beirut*, j.3 h.235.

<sup>24</sup> al-Nasai, Abi Abd al-Rahman Ahmad Shuhib. *Al-Dhu'afa wa al-Matrukin*. Muassasah Al-Kutub Al-Thaqafiyah. Hlm 47.

<sup>25</sup> Kholis, M. M. N. (2016). Hukum Mengamalkan Hadist Daif dalam Fadhlil A'mal: Studi Teoritis dan Praktis. *Al-Tsiqoh: Jurnal Ekonomi dan Dakwah Islam*, 1(2), 26-39.

<sup>26</sup> Muhammad Nashiruddin al-Albani. (1991). *Silsilah al-Ahadith al-Dhaifah wa a-lMaudhu'ah*. *Beirut*: Maktab al-Islami. Jld. 7. Hlm. 178.

مَنْ مَشَّىٰ فِي عَوْنَانِ أَخْرِيهِ وَمَنْفَعَتِهِ فَلَهُ تَوَابُ الْمُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: “Siapa yang membantu kesusahan saudaranya atau untuk kebaikannya baginya pahala orang yang berjihad dalam jalan Allah.”

Hadis ini direkodkan oleh *Yahya bin Hussin* (*w 499 H*) dalam kitab *Tartib Amali al-Khamisiyyah*. Namun, dalam sanadnya terdapat seorang perawi yang bernama Uthman bin Abdullah al-Qurasyi. Imam al-Hakim,<sup>27</sup> al-Bayhaqi dan al-Qaysarani memberi penilaian sebagai pemalsu hadis. Imam al-Khatib al-Baghdadi pula menilainya sebagai daif yang banyak meriwayatkan hadis munkar.<sup>28</sup> Atas penilaian-penilaian tersebut, hadis tersebut boleh dinilai sebagai palsu.

## PERBINCANGAN

Imam al-Mundhri dianggap antara ulama terkemudian yang hebat dalam bidang hadis. Selain kitab ini, beliau juga mempunyai pelbagai kitab hadis lain termasuklah karya monumental beliau iaitu kitab al-Targhib wa al-Tarhib. Beliau juga dianggap pakar dalam menilai hadis dan perawi di zamannya. Namun, kitab ini yang mengandungi banyak hadis palsu dan berstatus sangat lemah menimbulkan pelbagai persoalan tentang alasan beliau memilih hadis-hadis tersebut.

Imam al-Sulami yang bertindak mentakhrij dan mensyarah kitab ini, begitu juga Imam al-Taalabi yang meringkaskannya didapati tidak banyak memberi komentar terhadap kesahihan hadis-hadis kitab ini. Mereka lebih banyak menyatakan sumber asal hadis serta menyebutkan hadis-hadis lain yang mengandungi maksud yang sama dengan hadis-hadis kitab ini bagi menyokongnya.

Untuk memahami karekter beliau dalam memilih hadis-hadis dalam kitab ini, kita mungkin boleh melihat karakter dan metodologi beliau dalam kitab beliau al-Targhib wa al-Tarhib. Metodologi beliau dalam kitab al-Targhib wa al-Tarhib antaranya ialah:

- Beliau banyak memilih hadis daripada kitab-kitab ulama yang terkemudian dan bukan daripada kitab-kitab utama hadis. Malah beliau kurang memilih hadis-hadis daripada kitab-kitab yang mempunyai syarat kesahihan yang tinggi seperti Musnad Ahmad.
- Hadis-hadis yang dipilih banyak yang daif.
- Beliau terkadang memilih jalur hadis yang daif yang diriwayatkan daripada seorang sahabat Nabi SAW, sedangkan terdapat jalur lain yang sahih daripada sahabat Nabi SAW yang sama.
- Beliau menerima pengsahihan hadis oleh Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban dan al-Hakim tanpa memberi sebarang komentar sedangkan tidak semua hadis kitab-kitab tersebut sahih.
- Banyak hadis yang daif yang beliau pilih, namun beliau tidak memberi komentar terhadap statusnya.<sup>29</sup>

Daripada karekter-karakter ini dapat difahami tentang metodologi beliau dalam kitab tersebut. Jika dilihat pada kitab ini, didapati bahawa beliau seakan-akan melakukan perkara yang sama, iaitu memilih hadis-hadis daripada kitab-kitab ulama yang terkemudian dan memilih hadis-hadis yang lemah. Disebabkan kelemahan metodologi beliau, Syeikh al-Albani menyifatkan beliau sebagai ulama yang cenderung bermudah-mudah dalam mensahihkan dan menghasangkan hadis.<sup>30</sup>

<sup>27</sup> Ibn Hajar, A. A. (2002). *Lisan Al-Mizan. Beirut: Darul Bashair Al-Islamiah*. Jld. 4. Hlm. 146.

<sup>28</sup> Al-Khatib, A. B. (1931). *Tarikh Baghdad. Kaherah: Mathba'ah al-Sa'adat*, Jld.13. hlm. 160.

<sup>29</sup> Ahmad Zayid Mabruk Ahmad. (2018). *Asbab al-'Ilal 'inda al-Mundhiri fi Targhib wa al-Tarhib. Journal of Faculty of Islamic Studies, Aswan*, 1(1), 281-383.

<sup>30</sup> Opcit. al-Albani. *Silsilah al-Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'ah*. Jld. 1. Hlm. 311.

## KESIMPULAN

Kitab *Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin* adalah kitab hadis yang menghimpunkan empat puluh hadis berkaitan kelebihan melakukan kebajikan kepada sesama manusia yang dikarang oleh Imam al-Mundhiri. Ia merupakan kitab hadis empat puluh pertama yang menghimpunkan hadis dalam topik tersebut. Dikatakan kitab ini telah mendapat sambutan orang ramai. Hadis-hadis kitab ini diambil daripada pelbagai kitab hadis klasik. Tetapi kebanyakannya sumber-sumbernya bukanlah sumber-sumber utama. Kebanyakannya diambil daripada kitab Makarim al-Akhlaq oleh Imam al-Tabarani iaitu 13 buah hadis. Terdapat pelbagai status bagi hadis-hadis kitab ini; Sahih (8 buah hadis), Hasan (5 buah hadis) dan Hasan li Ghairihi (5 buah hadis) Daif (5 buah hadis) Matruk (13 buah hadis) dan Palsu (5 buah hadis). Jumlah 18 buah hadis palsu ini adalah satu jumlah yang besar, iaitu hampir separuh daripada jumlah hadis kitab ini. Kebanyakannya faktor kelemahan berpunca daripada masalah kredibiliti perawi. Meskipun berkemungkinan beliau mengambil komentar yang tidak terlalu keras terhadap sesetengah perawi, tetapi masih terdapat perawinya memang jelas munkar. Topik melakukan kebajikan kepada sesama manusia adalah satu topik menarik untuk dijadikan tema bagi kitab hadis 40. Namun kewujudan hadis yang sangat daif dan palsu dalamnya telah mencacatkan kredibilitinya. Diharap agar ada pihak yang menghimpunkan 40 hadis berkaitan topik ini tetapi hads-hadisnya dipilih daripada hadis yang berstatus diterima.

## RUJUKAN

- Ahmad Zayid Mabruk Ahmad.(2018). *Asbab al-'Ilal 'inda al-Mundhiri fi Targhib wa al-Tarhib. Journal of Faculty of Islamic Studies, Aswan*, 1(1), 281-383.
- Asra, A. (2011). Al-Mundzirî dan “al-Targhîb wa al-Tarhîb. *Al-Hikmah: Jurnal Agama dan Ilmu Pengetahuan*, 8(1), 50-66.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Hadith.
- Ibn al-Jawzi, `Abd al-Rahman bin `Ali (t.t.), al-`Ilal al-Mutanahiyah fi al-Ahadith al-Wahiyah, Jil. 1, Ibn al-Jawzi, Khalil al-Mis (tahqiq), Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, cet 1.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (1998). *Tajrid Asma Asanid al-Kutub al-Masyhurah wa al-Ajza'* al-Manthurah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Hajar, A. A. (2002). *Lisan Al-Mizan*. *Beirut: Darul Bashair Al-Islamiah*.
- Ibn Hibban, Muhammad Bin Hibban. (1976). *Al-Majruhin min Al-Muhaddithin wa Al-Dhu'afa* wa Al-Matrukin Dar Al-Wa'i, Aleppo.
- Kawaid, A. I. S. D., Amiruddin Mohd Sobali, & Ahmad Izzuddin Abu Bakar. (2021). Faedah Takhrij Hadis kepada Sanad Dan Matan: Satu Kajian Analisis: Benefits of Takhrij Hadith to Sanad and Matn: An Analytical Study. *Ma 'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 17, 66-83.
- Al-Khatib, A. B. (1931). Tarikh Baghdad. *Kaherah: Mathba'ah al-Sa'adat*,.
- Kholis, M. M. N. (2016). Hukum Mengamalkan Hadist Daif dalam Fadhail A'mal: Studi Teoritis dan Praktis. *Al-Tsiqoh: Jurnal Ekonomi dan Dakwah Islam*, 1(2), 26-39.

Mohd Senin, M. S. (2020). Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan Dan Keberadaannya Di Dalam Kitab-Kitab Jawi Silam Dan Buku-Buku Agama Terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(2).

Al-Mughlati, A. (2001). *Ikmal Tahzib al-Kamal fi Asma al-Rijal*. np: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Muhammad Nashiruddin al-Albani. (1991). *Silsilah al-Ahadith al-Dhaifah wa al-Maudhu'ah*. Beirut: Maktab al-Islami.

Al-Mundhiri, Abd al-Adzim bin Abd al-Qawiyy. (1985). *Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin*.

al-Nasai, Abi Abd al-Rahman Ahmad Shuib. *Al-Dhu'afa wa al-Matrakin*. Muassasah Al-Kutub Al-Thaqafiyah.

Rudi Edwaldo Jasmit. (2021). Sejarah Perkembangan Karya Al Arba'inat. *Jurnal Khazanah Ulum Ekonomi Syariah (JKUES)*, 2(1), 111-172.

Sarbanun, S. (2019). Macam - Macam Hadits Dari Segi Kualitasnya. *Ath Thariq Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 2(2), 345-356. Kholis, M. M. N. (2016). Hukum Mengamalkan Hadist Daif dalam Fadhail A'mal: Studi Teoritis dan Praktis. *Al-Tsiqoh: Jurnal Ekonomi dan Dakwah Islam*, 1(2), 26-39.

Suardi, I. (2020). Hadis Shahih Dan Hadis Hasan. *Journal Attanmiyah*, 3(6).

Syuhri, S. (2020). Hadith Matruk (Studi Kajian Hadith). *Asy-Syari'ah: Jurnal Hukum Islam*, 6(1), 65-80.

Al-Tabarani. Sulaiman bin al-Ath'ath. (1980). Makarim al-Akhlaq. tahqiq Faruq Hamadah, c. 1, Maghrib: Maktabah al-Tha'labi al-Su'udi.

Tamam bin Muhammad. (1987). *Fawaid Tamam*. cet. 1, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

al-Uqaili, Abu Jafar. (1984). *al-Dhuafa al-Kabir*. Mekah: Dar al-Baaz. 1984.

Al-Zahabi, Abu Abdullah Syams al-Din. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Cet 1. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1401H.

Al-Zahabi, Muhammad Bin Ahmad, *Mizan Al-'Itidal fi Naqd Al-Rijal* (1963), Dar Al-Ma'rifah, Beirut.

Ziyad Abd al-Wahhab. (2011). Al-Arbainiyat al-Hadithiyyah. *Damascus University Journal for The Economic And Legal Sciences*, 27 (1), 593-618.